

Pelajar Introvert di Sekolah

Mohd Razimi Husin¹, Nur Hayati Hadi¹, Ebelind Min Slanjat¹, Siti Wardah Hussin¹,
Nuratikah Ja'afar¹, Vanessa Sofia Leonard¹, Josita Sawai Richard¹, Shaneesa Edwin¹

¹ Faculty of Human Development, Universitas Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Article History

Received:

13.10.2019

Revised:

09.11.2019

Accepted:

19.12.2019

*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin

Email:

razimi@fpm.upsu.edu.my

This is an open access article,
licensed under: [CC-BY-SA](#)



Abstrak: Jenis personaliti remaja dapat dibincangkan melalui penampilan bentuk perlakuan sama ada cenderung kepada ekstrovert, introvert ataupun ambivert. Kajian ini mengkaji tentang pelajar introvert. Teori personaliti yang mempunyai kaitan dengan kajian ini adalah Teori Tiga Faktor (TTF) dan Teori Psikososial. Salah satu aspek perbezaan individu yang ketara antara seseorang pelajar dengan pelajar lain ialah aspek personaliti. Pelajar yang mempunyai personaliti introvert ialah individu yang pendiam, pasif, terlampaui banyak berfikir dan kurang bertindak serta tindak tanduknya kurang mahu mengambil risiko. Hasil kajian juga menunjukkan pelbagai faktor yang membawa kepada seseorang pelajar tersebut menjadi introvert iaitu faktor keluarga, persekitaran kelas, sejarah lampau dan sifat semula jadi. Personaliti introvert dalam diri pelajar ini memberi kesan kepada mereka dari aspek akademik, kokurikulum dan sosial. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pendekatan yang boleh dilakukan untuk membantu pelajar introvert ini misalnya melalui peranan pihak sekolah. Cadangan yang lain yang dikemukakan oleh responden ialah penggunaan alat bantu mengajar yang menarik serta sesuai dengan pembelajaran abad ke-21.

Kata Kunci: Introvert, Pelajar, Personaliti.

Introvert Students in a School


Abstract: The type of personality of adolescents can be discussed through the appearance of a form of treatment that either tends to be an extrovert, an introvert or an ambiver. This study examines introvert students. The theory of personality associated with this study is the Three Factors Theory (TTF) and the Psychosocial Theory. One aspect of the individual differences that is significant between one student and another is the personality aspect. Students with introverted personalities are individuals who are quiet, passive, over-thinking and under-performing and whose behaviors are less likely to take risks. The findings also show the various factors that lead a student to become an introvert - family factors, classroom environment, past history and nature. The introverted personality in these students affects them academically, co-curriculum and social. However, there are several approaches that can be taken to help these introverted students, for example through the role of the school. Another suggestion made by the respondents was the use of attractive teaching aids and 21st Century learning.

Keywords: Introvert, Personality, Student.



1. Pendahuluan

Menurut Suppiah Nachiappan et al. [1], zaman remaja merupakan satu tempoh peralihan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Secara puratanya, boleh dikatakan bahawa zaman remaja ini bermula daripada belasan tahun sehingga awal tahun 20-an. Oleh itu, ketika ini para remaja masih lagi berada di bangku sekolah. Pada usia ini, selain daripada fizikal, otak remaja juga sedang mengalami proses pertumbuhan dan perkembangan dan mereka juga masih lagi mencari identiti diri yang sebenar [1]. Tambahan pula, sebagai pelajar, mereka akan mula untuk berinteraksi dengan orang lain yang datang daripada latar belakang yang berbeza dan di sinilah kemahiran mereka untuk bergaul dengan orang akan diuji.



Rajah 1. Pengenalan Terhadap Isu Introvert di Sekolah

Setiap pelajar yang berada di sekolah pasti memiliki personalitinya yang tersendiri. Mengikut apa yang diperkatakan oleh Suppiah Nachiappan et al. [1], personaliti sering digunakan bagi menjelaskan penampilan seseorang. Personaliti juga dirujuk sebagai paras rupa dan gaya seseorang apabila berada dalam sesuatu suasana. Selain itu, menurut ahli psikologi dalam Suppiah Nachiappan et al. [1], personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya. Antara personaliti yang terdapat pada pelajar di sekolah ialah introvert namun begitu, golongan ini berada dalam kuantiti yang minimum.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, introvert bermaksud orang yang bersifat suka memendam rasa dan menumpukan perhatian pada dirinya sendiri, tidak suka bergaul dalam kalangan masyarakat atau dunia luar. Selain itu, menurut Dina Satalina [2], secara umumnya, orang yang bersikap introvert lebih cenderung untuk menjadi introspektif dan sibuk dengan kehidupan mereka sendiri. Oleh hal yang demikian, individu yang memiliki personaliti ini merupakan seorang yang pasif, pendiam dan kurang sosial. Misalnya, pelajar yang sebegini gemar untuk menyiapkan tugas secara bersendirian tanpa mengharapkan bantuan daripada rakan sekelasnya sendiri.

Berdasarkan maksud introvert yang di atas, dapat kita fahami bahawa golongan yang introvert ini lebih memilih untuk menyendiri daripada bergaul dengan orang lain. Selain itu, mereka juga sepertinya tidak prihatin terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, pelajar introvert ini ada kalanya mendatangkan kesan yang negatif terhadap rakan sekelasnya terutama dalam kerja-kerja kumpulan dan ada kalanya tidak. Isu mengenai pelajar yang introvert jarang kita dengari kerana isu tidaklah begitu berat seperti isu negatif lain yang sering berlaku di sekolah. Namun begitu, isu ini akan menjadi berat sekiranya mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

2. Kajian Literatur


2.1. Introvert

Suppiah Nachiappan et al. [1] menyatakan bahawa jenis personaliti remaja dapat dibincangkan melalui penampilan bentuk perlakuan sama ada cenderung kepada ekstrovert, introvert ataupun ambivert. Introvert merujuk kepada individu yang pendiam, pasif, terlampau banyak berfikir dan kurang bertindak serta tidak tanduknya kurang mahu menanggung risiko.

Selain itu, introvert merujuk kepada seorang yang pendiam, sentiasa menilai diri, suka menjauhkan diri, berhati-hati, tidak suka kepada keseronokan, dapat mengawal perasaan dan seorang yang begitu cemas [3] [4].

Seterusnya, Igoh [5] merujuk personaliti introvert sebagai tret personaliti yang menunjukkan individu yang sentiasa menyimpan perasaan dan emosinya dalam dunia yang nyata. Di dalam interaksi sosial, individu yang mempunyai personaliti ini tidak banyak bercakap dan lebih mendengar peraturan orang lain sahaja. Umumnya, individu yang mempunyai sikap ini lebih serius, sifat pendiam dan pemalu, tidak mempunyai cita-cita tinggi, jarang mengambil inisiatif tetapi suka kepada sistem kehidupan yang teratur.

Tuntasnya, setiap ahli psikologi mempunyai definisi yang tersendiri tentang istilah introvert. Secara mudahnya, kajian ini merujuk pelajar introvert sebagai pelajar yang bersikap pendiam dan pasif dalam pembelajaran di sekolah.



Rajah 2. Kajian Literature dalam Isu Pelajar Introvert

2.2. Teori Personaliti

Teori Psikososial merupakan teori yang diperkenalkan oleh seorang ahli psikologi terkenal iaitu Carl Jung. Carl Jung [1] melihat personaliti seseorang dari aspek cara individu tersebut bersosialisasi. Pada pandangan beliau, interaksi dan pergaulan seseorang yang introvert dan ekstrovert mempunyai perbezaan yang ketara. Seseorang yang ekstrovert akan lebih mahir bergaul dan berinteraksi dengan orang lain di sekelilingnya berbanding seseorang yang introvert yang lebih pemalu dan pasif. Kelainan personalitinya itu merupakan keperibadian dan perwatakannya yang membezakannya dengan orang lain.

Teori Tiga Faktor (TTF) pula merupakan teori yang diperkenalkan oleh Hans Eysenck. Teori tersebut menekankan pencarian bentuk personaliti seseorang hasil analisis ke atas 16 trait. TTF ini menganalisis tiga bentuk personaliti iaitu neurotisme, psikotisme dan ekstraversi. Analisis neurotisme berfungsi menganalisis tahap kestabilan manusia manakala analisis psikotisme pula berfungsi menganalisis daya berfikir seseorang. Analisis ekstraversi pula berfungsi menganalisis bahagian tingkah laku luaran seseorang yang akan menentukan sama ada seseorang itu mempunyai personaliti introvert ataupun ekstrovert.



Rajah 3. Teori yang Berkaitan dalam Isu Pelajar Introvert

2.3. Faktor Pelajar Introvert

Hasil kajian Suratman [6] tentang hubungan antara persekitaran keluarga dengan personaliti dalam kalangan pelajar sekolah menengah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan jenis personaliti introvert atau ekstrovert dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut dibuat ke atas 120 orang pelajar di SMK Air Tawar Kota Tinggi Johor menggunakan pekali Pearson R.

2.4. Kesan Pelajar Introvert

Kebanyakan kajian lepas yang berkaitan dengan pelajar introvert mengkaji pengaruh personaliti introvert terhadap diri pelajar dan pembelajaran mereka.

Antaranya, hasil kajian Ghazali [7] menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan antara personaliti introvert dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian tersebut adalah berdasarkan sampel 108 orang pelajar di Sekolah Menengah Teknik Slim River. Kajian yang menggunakan pekali korelasi tersebut dijalankan untuk melihat perhubungan antara personaliti ekstrovert-introvert dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Selain itu, hasil kajian Yusuf [4] menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti introvert dengan kemurungan responden. Responden yang mempunyai personaliti introvert dikatakan kurang keyakinan diri, emosi yang kurang stabil, bimbang, murung serta mengharapkan bantuan orang lain. Kemurungan yang dirujuk dalam kajian tersebut adalah kurang minat dalam melakukan sesuatu kerja, kurang keyakinan diri, hilang motivasi dan tidak bersemangat. Dapatan tersebut adalah hasil kajian tentang hubungan antara personaliti dengan kemurungan dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Sabak Bernam Selangor yang menggunakan borang soal selidik Personaliti Eysenck yang telah diubahsuai dan soal selidik Kemurungan Beck.

Di samping itu, hasil kajian Igoh [5] pula menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan pencapaian akademik mereka. Hal ini dikatakan sedemikian kerana walaupun pelajar introvert sering dikatakan mempunyai keyakinan diri yang kurang, emosi kurang stabil dan hidup dalam dunianya sendiri namun mereka juga mampu mempunyai akademik yang baik dan cemerlang kerana boleh belajar sendiri setelah memahami apa yang diperlajari di kelas. Hasil kajian tersebut adalah berdasarkan kajian beliau tentang hubungan personaliti ekstrovert dan introvert dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan menggunakan kolerasi Pearson.

2.5. Pembelajaran Abad Ke-21

Kementerian Pendidikan Malaysia [8] (n.d) mendefinisikan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Fokus PAK21 ini dilaksanakan adalah untuk membentuk kemenjadian pelajar dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan perwatakan.

Pelajar yang menguasai elemen komunikasi di kelas akan dapat memerhati, mendengar dan memberi maklum balas dengan orang. Selain itu, mereka dapat menyusun pemikiran secara logik dan menyatakannya secara jelas dan ringkas. Mereka juga dapat memahami cara menyesuaikan mesej atau kaedah tertentu untuk menyampaikan selain berkeyakinan dalam berinteraksi dengan rakan mereka semasa menyampaikan sesuatu topik.



Rajah 4. Lima Standard Asas dalam PAK21

Walau bagaimanapun, objektif pelaksanaan PAK21 ini tidak akan tercapai sepenuhnya apabila terdapat segelintir pelajar yang berpersonaliti introvert. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pelajar yang introvert mempunyai sedikit masalah dalam aspek komunikasi. Mereka bersifat lebih pasif, suka menyendiri dan tidak berkeyakinan dalam interaksi. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk melihat impak PAK21 terhadap pelajar introvert dari aspek penglibatan mereka dalam aktiviti di kelas. Antara aktiviti yang disarankan dalam PAK21 ialah think pair share, round table, gallery walk, hot seat dan stay-stray.

Kajian Ibrahima et al [9] menunjukkan bahawa penerapan PAK21 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek tersebut. Penerapan PAK21 menjadikan aktiviti pembelajaran di kelas lebih menarik dan pelajar sering bertanya kepada guru. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran juga dikatakan memberi peluang kepada pelajar untuk mengasah kepelbagaian kemahiran seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan sebagainya.

3. Metodologi Kajian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat [10], kaedah kajian membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan beberapa kaedah kajian telah digunakan oleh pengkaji bagi mendapat maklumat yang diperlukan berkaitan tajuk. Dalam menjalankan kajian ini, data dan maklumat yang diperoleh terdiri daripada data primer dan data sekunder. Setiap jenis data yang dikumpulkan mempunyai kegunaan masing-masing.

3.1. Data Primer


Data primer diperolehi menerusi kajian lapangan iaitu data diperolehi secara langsung dari sumber. Kaedah temu bual merupakan data primer yang digunakan dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat secara langsung dan lebih terperinci melalui informan. Temubual boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu temu bual berstruktur, temubual semi-struktur dan temubual tidak berstruktur. Temubual berstruktur ialah seperti soalan berdasarkan objektif, dijalankan secara formal dan sebagainya. Manakala, temubual semi-struktur pula merujuk kepada separa formal, soalan boleh ubah suai dan banyak lagi. Bagi temubual tidak berstruktur pula tidak formal dan tiada urutan soalan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan temubual semi-struktur iaitu temubual dijalankan secara separa formal dan soalan yang ingin diajukan adalah berdasarkan senarai yang telah dibina. Pengkaji telah menemui bual seorang guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama, Sungai Buloh Selangor. Pada

masa yang sama beliau melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Soalan yang diajukan ialah berdasarkan tajuk kajian iaitu isu pelajar introvert. Sebelum menemui bual responden, pengkaji terlebih dahulu merangka dan membincangkan soalan yang sesuai untuk dipersoalkan.

Soalan yang diajukan dibentuk berdasarkan objektif kajian untuk mengumpul data kajian. Reka bentuk soal selidik kajian ini mengandungi enam bahagian, iaitu:

1. Bahagian A (latar belakang mengenai isu)
2. Bahagian B (faktor isu introvert)
3. Bahagian C (kesan introvert)
4. Bahagian D (pendekatan)
5. Bahagian E (cadangan dan penambahan)
6. Bahagian F (rumusan)



Rajah 5. Kaedah Pengumpulan Data

3.3. Data Sekunder

Data sekunder merupakan maklumat tambahan di samping mengukuhkan pengetahuan sedia ada. Pengkaji telah memperoleh data sekunder melalui rujukan bahan-bahan dari perpustakaan dan rujukan daripada internet.

3.3.1. Rujukan Perpustakaan

Pengkaji membuat rujukan ke Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mendapatkan data dan maklumat sekunder dengan membuat rujukan beberapa sumber seperti tesis, buku dan sebagainya. Kaedah ini dilakukan bertujuan mendapatkan maklumat lebih berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber-sumber yang diperoleh dapat dijadikan sebagai panduan bagi melakukan kajian. Pengkaji turut merujuk buku yang berjudul Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar Edisi Kedua.

3.3.2. Rujukan Internet

Bagi merealisasikan kajian ini, pengkaji juga telah menggunakan sumber selain daripada buku untuk dijadikan sebagai rujukan. Pengkaji turut melayari Internet sebagai sumber bahan rujukan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian. Rujukan daripada internet dapat dijadikan sokongan kepada maklumat yang diperoleh daripada rujukan perpustakaan. Beberapa laman web telah dilayari bagi memperoleh maklumat dan rujukan bagi memastikan hasil kerja kajian dapat dihasilkan dengan jayanya.

4. Hasil Kajian

4.1. Latar Belakang Personaliti Introvert

Berdasarkan kajian pengkaji, menurut responden iaitu Encik Ihsan, dalam konteks di sekolah, pelajar yang mempunyai masalah introvert ini dilihat sukar untuk memberi respon kepada sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam kelas. Hal ini kerana pelajar yang introvert ini suka menyendiri dan tidak bergaul dengan pelajar lain. Pelajar introvert sentiasa bersendiri dan tidak bergaul dengan rakan dan guru. Hal ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam kelas tidak berkesan kerana sukar untuk mendapatkan pandangan daripada pelajar yang introvert ini. Namun, apabila guru bertindak untuk bercakap dengan pelajar introvert di luar, dia boleh menjawab soalan yang ditanya.

“... apa yang saya faham daripada yang saya hadapi dekat sekolah, pelajar introvert ini pelajar ini dia suka buat kerja sendiri dan duduk menyendiri. Bila dalam kelas, nak tau dia paham ke tak memang susah. Tetapi kalau bercakap dengan dia sahaja di luar, dia okey boleh jawab” [11].

Menurut responden, sukar untuk menentukan bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan pelajar introvert ini kerana perwatakannya itu mungkin berubah selepas tamat zaman persekolahan. Hal ini kerana selepas zaman persekolahan pelajar ini baru mencapai tahap di mana mereka mengenal diri sendiri dan mengenalpasti apa yang mereka gemar dan inginkan. Namun, sekiranya perwatakan introvert itu masih ada pada diri pelajar sehingga dewasa, maka bidang pekerjaan yang bersesuaian ialah pekerjaan yang hanya memerlukan fokus sepenuhnya semata-mata.

“... pelajar introvert kita tak pasti sama ada lepas sekolah masih introvert atau tidak. Sekiranya, pelajar ini masih introvert ini memang introvert sampai bila-bila, maka kerja yang sesuai dengan dia yang tak perlukan dia bersosial. Contohnya, dia kerja kat rumah secara online, hantar barang, itu sahaja” [11].

4.2. Faktor Membawa Kepada Pelajar Menjadi Introvert

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, tidak ada faktor penyumbang untuk menjadi introvert. Menjadi introvert bermakna seseorang itu memulihkan semasa tempoh refleksi bersendirian daripada interaksi. Namun, terdapat faktor yang mendorong pelajar introvert tersebut cenderung untuk terus dengan perwatakan introvert dan tiada keinginan untuk berubah.



Rajah 6. Faktor Membawa Kepada Pelajar Menjadi Introvert

4.2.1. Keluarga

Keluarga yang bermasalah merupakan antara salah satu faktor menyebabkan pelajar tersebut untuk terus cenderung dengan perwatakan introvert.

“Keluarga bermasalah ni ada dua situasi dia. Pertamanya, masalah taraf hidup keluarga tu sendiri. Keluarga yang kurang berkemampuan menyebabkan pelajar itu rendah diri. Kedua, masalah keluarga yang kurang berkomunikasi. Ibu bapa itu sendiri kurang bercakap dengan anak-anak” [11].

Menurut Encik Ihsan, taraf hidup keluarga yang tidak stabil menyebabkan pelajar tersebut selalu menyendiri dan rendah diri. Masalah kedua yang dikenalpasti ialah masalah ibu bapa yang kurang berinteraksi dengan anak-anak. Pelajar yang menghadapi masalah ini tiada tempat untuk meluahkan isi hati dan masalah mereka. Oleh hal yang demikian, mereka memilih untuk mendiamkan diri dan hanya memendamkan masalah mereka.

4.2.2. Persekitaran Kelas

Selain itu, perkara yang turut membawa seseorang pelajar itu untuk terus bersikap introvert ialah persekitaran kelas.

“... untuk persekitaran kelas ni, dia lebih kepada perbezaan fizikal. Contohnya, pelajar yang saya jumpa tu ada eczema dekat tangan dia. Jadi dia rasa malu nak bergaul dengan rakan dia yang lain. Dia rasa takut orang persoalkan penyakit dia” [11].

Keadaan persekitaran kelas amat penting kepada setiap pelajar kerana kelas merupakan tempat di mana mereka menghabiskan kebanyakan masa mereka. Menurut Encik Ihsan, misalnya, pelajar yang menghadapi masalah kesihatan iaitu eczema yang menyebabkannya kurang bergaul dengan rakan sekelas dan orang sekelilingnya. Situasi ini menyebabkan pelajar introvert ini memilih untuk terus menjauhkan diri daripada rakan sekelasnya kerana takut dipersoalkan tentang penyakitnya. Pelajar ini juga merasakan diri mereka tidak normal dan tidak sesuai berada di dalam persekitaran kelas yang normal. Oleh sebab itu, pelajar ini memilih untuk terus bersendirian tanpa bergaul dengan rakan lain.

4.2.3. Sejarah Lampau

Sejarah lampau ini bermaksud perkara yang pernah terjadi pada pelajar tersebut pada masa lalu yang memberi kesan kepada pelajar tersebut. Berdasarkan pengalaman Encik Ihsan, beliau belum pernah menghadapi situasi pelajar introvert yang dipengaruhi oleh sejarah lampau.

4.2.4. Sifat Semula Jadi

Berdasarkan kajian, perkara yang menjadi salah satu faktor seseorang pelajar itu menjadi introvert ialah faktor sifat semula jadi.

“... selalunya pelajar introvert yang pernah saya hadapi ni, dia Cuma jadi pendiam bila dia dekat tingkatan satu hingga tiga sahaja. Mungkin disebabkan waktu tu mereka masih takut sebab mereka rasa masih baru dekat sekolah. Tapi, bila dah sampai tingkatan empat lima tu, pelajar ni dah okey dah. Mereka rasa dah matang dan senior di sekolah jadi pelajar ni dah rasa selesa” [11].

Berdasarkan apa yang dikatakan Encik Ihsan, ada sesetengah daripada pelajar ini hanya berperwatakan introvert ketika mereka di tingkatan satu hingga tiga sahaja. Hal ini berlaku disebabkan mereka merasakan pada ketika itu mereka masih pada peringkat junior dan takut untuk bersuara. Namun, apabila pelajar ini sudah memasuki tingkatan empat dan lima, mereka mula menjadi aktif, matang, berfikiran terbuka dan pandai bergaul dengan pelajar yang lain. Hal ini berlaku kerana pada pada waktu ini mereka sudah dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah.

4.3. Kesan-Kesan Personaliti Introvert dalam Pelajar

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kesan yang dihadapi oleh pelajar yang Introvert. Tambahan pula, sikap pelajar yang Introvert turut memberikan impak kepada guru-guru dan rakan-rakan sekelasnya. Hal ini sedemikian kerana pelajar Introvert mempunyai masalah dalam berkomunikasi, sering mengelakkan diri dari berinteraksi secara aktif dengan alam sekeliling

Sikap pelajar yang Introvert akan menjejaskan pencapaian akademik, kokurikulum dan mempunyaai tahap sosial yang rendah. Hal ini sedemikian kerana pelajar Introvert mempunyai sifat yang tidak yakin dan malu. Tambahan pula, pelajar yang introvert juga lebih suka menyendiri dan tidak suka bergaul dengan orang lain. Sikap sedemikian sudah tentu akan menjejaskan pencapaiannya terutama dalam akademik. Hal ini kerana pelajar introvert ini tidak berani untuk bertanya soalan sekiranya tidak faham. Buktinya, menurut Cikgu Ihsan ‘dari segi akademik pelajar introvert tersebut

sukar untuk lulus disebabkan dia tidak faham dan tidak boleh berbahasa Melayu'. Walaubagaimanapun, bagi soalan dalam bahasa Inggeris seperti Sains dan Matematik, pelajar tersebut serba sedikit boleh memahami dan boleh menjawab sedikit. Namun, pelajar berkenaan fasih dalam Bahasa Inggeris dan dapat memahami dan menjawab dengan baik. Hal ini kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa Ibunda keluarganya. Oleh hal demikian, persekitaran pelajar Introvert akan mempengaruhi tahap pencapaiannya.



Rajah 7. Kesan Personaliti Introvert

Selain itu, dari aspek pencapaian kokurikulum pula turut terjejas atau kurang memuaskan. Hal ini pelajar Introvert ini tidak gemar dengan aktiviti yang melibatkan ramai orang dan memerlukan untuk berinteraksi dengan orang lain. Hal ini akan menyebabkan pelajar Introvert memilih untuk tidak melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Buktinya, dalam temubual tersebut menyatakan bahawa:

“... memang tiada penglibatan langsung dari pelajar Introvert’. Tambahan pula, pelajar berkenaan juga tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti sekolah seperti hari sukan. Seterusnya, pelajar Introvert juga mempunyai tahap sosial yang rendah kerana mereka lebih suka menyendiri. Buktinya, tiadanya penglibatan langsung daripada pelajar Introvert sama ada di dalam kelas mahupun apabila berada di luar kelas” [11].

Seterusnya, dari aspek disiplin pelajar pula adalah pada tahap yang baik. Hal ini demikian kerana menurut Cikgu Ihsan (2019), sikap pelajar Introvert yang suka menyendiri dan tidak mengganggu orang lain menyebabkannya pelajar ini tidak terlibat dalam masalah disiplin yang berat seperti bergaduh, melawan guru, merokok dan sebagainya. Misalnya, berdasarkan temubual bersama Cikgu Ihsan, pelajar Introvert ini hanya membuat kerjanya sendiri dan tidak mengendahkan orang disekelilingnya. Tambahan pula, Cikgu Ihsan menyatakan ‘apabila tamat waktu persekolahan, pelajar ini terus balik’ dan bukannya seperti pelajar lain yang terus melepak selepas tamat waktu persekolahan. Walaupun tidak terlibat dalam masalah disiplin yang berat, namun terdapat juga masalah disiplin seperti tidak menghadiri kelas kokurikulum yang dijalankan. Selain itu, menurut Cikgu Ihsan juga apabila pelajar Introvert ini dibuli, pelajar ini akan hanya mendiamkan kerana tidak mahu menerima kesan yang lebih teruk. Buktinya, Cikgu Ihsan menyatakan:

“... sekiranya dia marah dia akan dibuli dengan lebih teruk”.
 “Kalau nak kata kehadiran dia dalam kelas belajar beramai-ramai tu tak ada masalah sebab apa dia buat kerja dia je, kalau kata daripada kerjasama kerja dalam kumpulan, masalah, dia susah nak bercakap dengan kawan-kawan dia” [11].

Berdasarkan pernyataan daripada Cikgu Ihsan, sikap pelajar yang Introvert ini juga memberikan kesan kepada rakan-rakan sekelasnya. Hal ini demikian kerana sikap pelajar lebih ke arah membuat kerja secara individu akan kurang memberikan kerjasama yang sepatutnya apabila melibatkan aktiviti berkumpulan. Buktinya, dalam temubual, pelajar berkenaan tidak memberikan kerjasama langsung apabila membuat tugas berkumpulan (Cikgu Ihsan, 2019). Hal ini kerana pelajar tersebut susah untuk berkomunikasi dengan rakan-rakannya dan enggan mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut walaupun mempunyai jawatan. Buktinya, menurut Cikgu Ihsan ‘...kelas dia buat jamuan akhir tahun, kan ada group-group kan, group ni bahagian buat makanan, disitu dia tak wujud dan kalau ikutkan yang budak tu yang dia ajar tu, tak hadir pun, dia taknak terlibat dengan benda-benda berkumpulan


macam tu'. Secara ringkasnya, kehadiran pelajar ini di kelas tidak begitu mengganggu rakan-rakannya namun hanya memberikan kesan apabila melibatkan aktiviti secara berkumpulan.

Di samping itu, guru-guru juga turut mendapat kesan daripada sikap pelajar yang introvert. Hal ini kerana sebagai seorang guru amat penting dalam mengenal pasti masalah, punca dan cara penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar. Dalam isu yang berkaitan dengan pelajar Introvert, amat penting bagi guru untuk dapat menyesuaikan diri dan cara pengajaran dengan pelajar sedemikian. Hal ini kerana pelajar Introvert memerlukan lebih perhatian dan perlu lebih banyak bimbingan berbanding dengan pelajar normal yang lain. Hal ini bagi memastikan pelajar Introvert ini memahami maklumat yang telah disampaikan. Buktinya, berdasarkan temubual yang dilaksanakan kehadiran pelajar Introvert di kelas tidak memberikan masalah kepada guru malah guru berkenaan mampu menggunakan waktu mengajar dengan baik namun memberikan masalah kepada guru untuk memastikan pelajar berkenaan faham dengan topik yang diajar [11]. Oleh hal demikian guru tersebut mempunyai cara dalam menangani masalah ini dengan berjumpa secara individu dengan pelajar tersebut untuk bertanya masalah berkaitan dengan topik yang dipelajari.

Seterusnya, guru berkenaan juga tidak mempunyai masalah dalam menyesuaikan alat bantu mengajar dengan pelajar Introvert kerana mereka faham dengan cara penggunaan tersebut dan lebih tertarik dengan cara pembelajaran tersebut. Buktinya, 'daripada segi alat bantu mengajar rasanya bagi saya tak ada masalah untuk pelajar introvert ni bagi pelajar introvert pendiam ni bila kita bawa benda satu alat ke instrumen, dia lagi seronok, siap dah biasa menulis macam tu dia lagi introvert, tapi bila kita bawa alat macam alat bantu mengajar bagi saya lagi membantu, pelajar yang tak introvert pun makin seronok' [11].

4.4. Pendekatan Terhadap Permasalahan Pelajar Introvert

Berdasarkan sesi temu bual yang telah dijalankan, pengkaji dapat mengetahui bahawa pelajar-pelajar introvert atau pelajar yang sukar untuk bergaul dengan orang ramai ini boleh dibantu oleh pelbagai pihak seperti pengetua, kaunselor sekolah dan para guru. Mereka perlu diberi perhatian yang sama rata tetapi menggunakan kaedah yang berbeza.



Rajah 8. Pihak yang Memainkan Peranan dalam Menangani Pelajar Introvert di Sekolah

Kaunselor sekolah mempunyai peranan yang paling penting dalam mendekati diri dengan pelajar-pelajar introvert di sekolah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kaunselor sekolah sememangnya mahir dalam mengenal pasti pendirian pelajar-pelajar yang berbeza-beza. Mereka telah dilatih mendekati pelajar dengan cara yang bersesuaian dengan jenis pelajar tersebut. Menurut Encik Ihsan, "Kaunselor adalah paling penting. Pelajar macam ni dia kena panggil ke pejabat, beri motivasi kepada pelajar tu supaya dia lebih yakin dengan diri dia"

Seterusnya, pengetua sekolah turut memainkan peranan dalam membantu para pelajar yang introvert. Pengetua merupakan ketua sekolah yang berhak dan bertanggungjawab terhadap kebijakan pelajar dan guru. Pengetua perlu memastikan para guru memberi perhatian kepada keadaan para pelajarnya. Sebagai contoh, sekiranya pelajar introvert tersebut kurang memberi kerjasama semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru sepatutnya mengambil tahu permasalahannya

dan membantu pelajar tersebut dengan merujuk pelajar tersebut kepada kaunselor sekolah. Pengetua turut perlu memanggil ibu bapa atau penjaga pelajar introvert dan memberitahu keadaan anak mereka agar mereka boleh bersama-sama mencari jalan penyelesaian. Keadaan ini ada disebutkan oleh Encik Ihsan semasa sesi temu bual,

“Pengetua perlu memberi arahan kepada guru-guru untuk mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang introvert. Ibu bapa juga perlu diberi pendedahan dan panggil ibu bapa mereka agar bersama-sama cari penyelesaian. Pada peringkat permulaan, guru perlu berusaha untuk menyelesaikan permasalahan ini. Sekiranya masih belum menemukan cara, barulah ibu bapa dipanggil”.

Akhir sekali, para guru boleh turut membantu pelajar yang introvert menyelesaikan atau meredakan kerisauan mereka. Sekiranya anak murid mereka sukar untuk meluahkan masalah yang dihadapi dengan orang lain, guru seharusnya menjadi pendamping atau pendengar masalah kepada mereka kerana gurulah yang banyak menghabiskan masa bersama anak-anak murid mereka. “Guru boleh memberi nasihat kepada anak-anak murid mereka sekiranya terdapat pelajar introvert tidak mahu dirujuk kepada kaunselor sekolah”. Guru sepatutnya tahu menangani pelajar yang mempunyai masalah keperibadian.

4.5. Cadangan dan Penambahbaikan

Terdapat cadangan atau penambahbaikan yang dapat dilakukan untuk mengatasi permasalahan ini terutamanya di sekolah. Para guru yang memainkan peranan penting bagi menggalakkan penglibatan pelajar introvert dalam sesi pengajaran dan pembelajaran lebih-lebih lagi pembelajaran abad ke-21. Kaedah pembelajaran ke-21 perlu selaras dengan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar introvert.

Penggunaan instrumen semasa sesi pengajaran dan pembelajaran amatlah berguna. Alat bantu mengajar yang menarik boleh disediakan. Perbezaan tahap kemahiran literasi dalam kalangan pelajar menyukarkan sesi pembelajaran menggunakan peta I-Think seperti peta buih, peta ikan dan sebagainya terutamanya pelajar introvert. “Sebagai contoh, alat bantu mengajar yang ada disediakan di sekolah ialah skrin LCD. Penggunaan alat bantu mengajar dapat memudahkan sesi pemahaman pelajar introvert kerana mereka terdedah kepada gambaran berbanding tulisan”. Namun begitu, alat bantu mengajar ini tidak semua sekolah memilikinya kerana kos penyediaan dan pembaikan sangat tinggi. “Sekolah Encik Ihsan kurang dalam kemudahan yang canggih”. Oleh itu, kemudahan yang sedia ada perlu digunakan sebaik mungkin tanpa perlu menggunakan alatan canggih.

Aktiviti pembentangan juga berguna dalam membentuk personaliti pelajar introvert. Hal ini dikatakan sedemikian kerana aktiviti ini memerlukan pelajar introvert untuk menyuarakan pengetahuan dan pandangan mereka terhadap topik perbincangan yang diberikan. Aktiviti pembentangan boleh dilakukan secara individu atau kumpulan. Aktiviti pembentangan akan membantu membina keyakinan diri untuk berucap di depan khalayak ramai. “Pelajar ini akan membuat aktiviti pembentangan bersama-sama kawannya tapi dia tak membentang, kawan dia akan bentang. Jadi, aktiviti pembentangan ini membantu serba sedikit je”. Pernyataan ini menyatakan bahawa bergantung kepada pelajar tersebut mahu mengubah pendiriannya demi kelangsungan pembelajaran.

Encik Ihsan merumuskan bahawa permasalahan pelajar introvert bukanlah sesuatu yang serius kerana terdapat permasalahan yang lebih kerap berlaku di sekolah iaitu masalah disiplin. Pelajar introvert ini mampu dikenal pasti dan diselesaikan dengan mudah tanpa memerlukan kaedah penyelesaian yang rumit. Pihak yang terlibat seperti guru dan kaunselor sekolah perlu mengambil tahu dengan lebih banyak mengenai pelajar sebegini dan mencari jalan penyelesaian dengan cepat. Jangan sekadar pandang ringan permasalahan ini dan ianya bergantung kepada guru untuk mengangap masalah ini berat atau pemudah cara bagi mereka untuk sentiasa berdedikasi dalam pembangunan anak bangsa.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang introvert mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang membezakan mereka dengan pelajar yang lain. Mereka lebih bersifat pendiam dan pasif dalam kalangan pelajar yang lain. Dalam kajian ini, ciri-ciri pelajar introvert diteliti dari sudut akademik, kokurikulum dan sosial. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang introvert sukar memberi respon semasa proses PnP. Mereka juga kurang penglibatan dalam kokurikulum selain tidak suka bergaul dalam kelompok pelajar lain. Sifat ini bersesuaian dengan Teori Psikososial yang dikemukakan oleh seorang ahli psikologi terkenal, Carl Jung. Dalam teori tersebut, beliau melihat personaliti seseorang dari aspek cara individu tersebut bersosialisasi. Seseorang yang introvert atau ekstrovert akan dapat dibezakan dari cara interaksi dan pergaulannya dengan orang lain. Berikutan itu, seseorang yang

introvert sememangnya seorang yang pendiam dan pasif. Mereka tidak suka bersosial dan begaul dengan kelompok orang yang ramai namun lebih suka menyendiri. Sifat introvert ini juga akan dapat dilihat dengan hasil analisis personaliti yang diperkenalkan oleh Hans Eysenck dalam Teori Tiga Faktor (TTF). Personaliti introvert akan dapat dikenalpasti dalam hasil analisis bentuk ekstrasversi yang menentukan sama ada seseorang itu ekstrovert atau introvert. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menjalankan analisis TTF ini terhadap para pelajar.

Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa tiada faktor yang sebenar-benarnya menyebabkan seseorang pelajar itu introvert selain sikap semula jadinya yang pendiam dan pemalu sejak kecil. Walau bagaimanapun, faktor persekitaran seperti keluarga dan kelas berperanan mendorong pelajar introvert untuk terus berpewatakan introvert dan tiada keinginan untuk berubah.

Persekitaran kelas yang kurang baik dengan adanya pelajar sekelas yang suka membuli dan mengambil kesempatan menyebabkan pelajar introvert terus dengan perwatakan mereka menjadi pasif kerana takut. Persekitaran keluarga yang bermasalah dan kekurangan juga mendorong pelajar ini bersifat pasif kerana merasa diri tidak sempurna seperti orang lain. Faktor keluarga ini dikukuhkan oleh kajian Noranizah Suratman [6] yang mengatakan terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran keluarga dengan jenis personaliti introvert atau ekstrovert dalam kalangan pelajar.

Hasil kajian menunjukkan bahawa personaliti pelajar yang introvert tersebut memberi kesan kepada diri pelajar, guru dan rakan sekelas yang lain. Sikapnya yang pasif dan pendiam menyebabkan pelajar tersebut agak lemah dalam pelajaran kerana tidak ingin bertanya apabila tidak faham akan isi pembelajaran. Perkara ini ditekankan dalam kajian Nabilah Che Mustapha @ Yusuf [4] tentang hubungan antara personaliti introvert dengan kemurungan responden. Dalam kajian tersebut beliau melihat kemurungan berlaku dalam pelajar introvert kerana kurang minat dalam melakukan sesuatu kerja, kurang keyakinan diri, hilang motivasi dan tidak bersemangat. Sikap yang sebegitulah menyebabkan mereka agak lemah dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, perkara ini bertentangan dengan kajian Dewieanna Igoh [5] yang mengatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan pencapaian akademik mereka. Hal ini berlaku sedemikian kerana setiap pelajar introvert mempunyai tahap kesedaran ilmu dan kepandaian yang berbeza.

Selain itu, guru yang mengajar pula sukar untuk mendapat respon daripada pelajar introvert walaupun proses PnP berjalan lancar seperti biasa kerana pelajar introvert tidak menimbulkan masalah yang berat hingga mengganggu PnP. Perkara ini dikukuhkan oleh kajian Ghazali [7] menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara personaliti introvert dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah. Masalah mereka hanyalah terlalu pendiam dan tidak memberi respon. Dalam pada itu, pihak yang paling terkesan dengan sikap pelajar introvert ialah rakan sekelasnya. Aktiviti berkumpul selalunya tidak berjalan lancar kerana pelajar introvert ini sukar memberi kerjasama. Mereka hanya berdiam tanpa menyumbang idea dan mengharapkan kawan yang lain.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang introvert di sekolah tidaklah ramai. Buktinya kajian Suratman [6] menunjukkan daripada 120 respondennya hanya 21 orang (17.5%) sahaja yang introvert manakala selebihnya adalah ekstrovert. Cikgu Ihsan juga mengatakan beliau hanya mempunyai tiga orang sahaja pelajar yang introvert di sekolah. Walau bagaimanapun, isu ini tetap perlu diambil perhatian kerana personaliti yang sebegitu akan memberi impak yang kurang baik kepada diri pelajar tersebut dan persekitarannya. Sehubungan itu, pihak sekolah yang terdiri daripada pengetua, guru dan kaunselor perlulah berganding bahu untuk memahami pelajar ini dan berusaha membantu mereka untuk berubah.

Dalam kajian ini pendekatan membantu pelajar introvert turut dikaitkan dengan PAK21 yang menekankan lima aspek utama ke arah kemenjadian pelajar. PAK21 menekankan pembelajaran aktif berpusatkan pelajar di kelas bagi melahirkan pelajar yang serba boleh dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Hasil kajian menunjukkan pengaplikasian PAK21 dalam pembelajaran dapat serba sedikit membantu mengubah pelajar introvert. Walau bagaimanapun, Cikgu Ihsan menekankan bahawa keberkesanan pengaplikasian aktiviti PAK21 ini bergantung kepada mata pelajaran yang diajar dan kreativiti guru yang mengajar.

Penggunaan alat bantu mengajar abad ke-21 didapati serba sedikit membantu pelajar introvert untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran di kelas. Ainun Rahman Iberahim, Zamru Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad [9] juga mengatakan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dikatakan memberi peluang kepada pelajar untuk mengasah kepelbagaian kemahiran

seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan sebagainya.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mengkaji tentang pelajar introvert. Teori personaliti yang mempunyai kaitan dengan kajian ini adalah Teori Tiga Faktor (TTF) dan Teori Psikososial. Salah satu aspek perbezaan individu yang ketara antara seseorang pelajar dengan pelajar lain ialah aspek personaliti. Setiap orang akan mempunyai tabiat serta pembawaan sifat semula jadi yang akan membezakan seorang individu dengan individu yang lain. Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai personaliti introvert ialah individu yang pendiam, pasif, terlampau banyak berfikir dan kurang bertindak serta tindak tanduknya kurang mahu mengambil risiko.

Berdasarkan Teori Psikoanalisis iaitu Teori Psikososial, personaliti seseorang dilihat dari aspek cara manusia bersosialisasi. Seseorang yang tidak mahir bersosialisasi dan bercampur-gaul ialah dikategorikan sebagai introvert. Hasil kajian menunjukkan ciri-ciri pelajar introvert yang dikemukakan oleh responden ialah suka menyendiri dan membuat perkara tanpa bantuan orang lain. Jadi, sifat-sifat ini menunjukkan mereka adalah seorang yang introvert. Hasil kajian juga menunjukkan pelbagai faktor yang membawa kepada seseorang pelajar tersebut menjadi introvert iaitu faktor keluarga, persekitaran kelas, sejarah lampau dan sifat semula jadi. Personaliti introvert dalam diri pelajar ini memberi kesan kepada mereka dari aspek akademik, kokurikulum dan sosial. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pendekatan yang boleh dilakukan untuk membantu pelajar introvert ini misalnya melalui peranan pihak sekolah. Cadangan yang lain yang dikemukakan oleh responden ialah penggunaan alat bantu mengajar yang menarik serta sesuai dengan pembelajaran abad ke-21.

Sebenarnya, personaliti introvert bukanlah suatu masalah yang besar. Personaliti introvert ialah pembawaan sifat semula jadi dan sesetengahnya sukar untuk diubah kepada personaliti ekstrovert. Selain itu, seseorang pelajar yang mempunyai personaliti introvert tidak semestinya tidak boleh berjaya seperti pelajar yang lain. Seperti mana yang sering didengar, pelajar introvert menghadapi masalah dalam aspek akademik kerana malu bertanya dan kurang bersosial dengan rakan yang lain di dalam kelas. Namun begitu, tidak semua pelajar introvert menghadapi masalah dalam akademik. Hal ini demikian pelajar introvert mempunyai kelebihan dan cara belajar mereka tersendiri. Personaliti akan membentuk tingkah laku sama ada ke arah positif atau negatif. Hal ini bergantung kepada individu itu sendiri sama ada dia berupaya untuk membezakan perkara yang baik atau buruk.

Rujukan

- [1] S. Nachiappan, K. Kamaruddin, Abd. Aziz, Abd. Shukor, R. Jantan, R. Mustapa and H. Hamzah, *Pembelajaran dan perkembangan pelajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2012.
- [2] D. Satalina, "Kecenderungan perilaku cyberbullying ditinjau dari tipe kepribadian ekstrovert dan introvert," *Jurnal Ilmiah Psikologi Terapan*, vol. 2, no. 2, pp. 294-310, 2014.
- [3] H. J. Eysenck, *Dimensions of Personality*. London: Routledge and Kegan Paul, 1947.
- [4] Nabilah Che Mustapha @ Yusuf, *Hubungan antara personaliti dengan kemurungan dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Sabak Bernam Selangor: Satu Kajian Tinjauan. Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.
- [5] D. Igoh, *Hubungan personaliti ekstrovert dan introvert dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu Kajian Tinjauan. Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2010.
- [6] N. Suratman, *Hubungan antara persekitaran keluarga dengan personaliti dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu Kajian Tinjauan. Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2010.
- [7] N. Ghazali, *Hubungan antara personaliti introvert dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah: Satu Kajian Tinjauan. Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.

- [8] Kementerian Pendidikan Malaysia, “Pembelajaran abad ke-21 (PAK21),” 2017. [Format]. Available: <https://www.slideshare.net/mazlanmn/pak21-85294457>. [Accessed: September 2019].
- [9] A. R. Iberahim, Z. Mahamod and W. M. R. W. Mohamad, “Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 7, no. 2, pp. 77-88, 2017.
- [10] Kamus Dewan Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- [11] In a personal interview, Cikgu Ihsan, Pelajar Introvert di Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama, Sungai Buloh Selangor (2019).